

NOTIS MAKLUMAT PEKERJAAN

Notis ini menerangkan cara Cargill menggunakan Maklumat Peribadi tentang anda di dalam konteks perniagaan. Kami merujuk kepada ini sebagai "Maklumat Pekerjaan". Anda juga mungkin mempunyai hak undang-undang tertentu berkenaan dengan Maklumat Pekerjaan. Notis ini juga meringkaskan tentang semua ini.

Untuk maklumat lanjut, sila baca [Dasar Privasi Data untuk Maklumat Pekerjaan Cargill](#).

1. APAKAH MAKLUMAT PEKERJAAN YANG DIKUMPULKAN OLEH CARGILL?

Cargill mengumpul pelbagai jenis Maklumat Pekerjaan tentang anda yang berkaitan dengan kerja anda di Cargill. Ini termasuk kategori berikut:

- Butiran hubungan, seperti alamat, nombor telefon dan alamat e-mel, dll.;
- Maklumat kewangan, seperti gaji, butiran akaun bank, penggunaan kad kredit korporat, faedah pekerjaan, dll;
- Maklumat pengambilan, seperti CV, borang permohonan dll;
- Maklumat kerjaya, seperti penilaian atau ulasan prestasi, rekod disiplin, butiran kemahiran dan pengalaman, rekod ketidakhadiran, dll;
- Maklumat mengenai penggunaan aset Cargill anda, seperti komputer dan telefon, dll (jika berkaitan dan dibenarkan untuk dikumpul oleh undang-undang tempatan);
- Imej CCTV dan maklumat lawatan untuk pengunjung ke tempat kerja Cargill.

Cargill secara amnya menerima Maklumat Pekerjaan terus daripada anda atau daripada pihak ketiga, seperti Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga yang membantu dengan kesihatan dan keselamatan, perjalanan dan perbelanjaan serta tujuan berkaitan pekerjaan lain yang diterangkan di bawah.

2. APAKAH YANG AKAN CARGILL LAKUKAN DENGAN MAKLUMAT PEKERJAAN ANDA?

Secara amnya, Cargill hanya menggunakan Maklumat Pekerjaan untuk tujuan berkaitan pekerjaan, termasuk:

- **Perancangan dan Pengambilan Tenaga Kerja**, seperti pengiklanan kerja, temu duga, memilih dan mengambil kakitangan baru;
- **Pengurusan dan Pentadbiran**, seperti pembangunan kerjaya pekerja, pampasan dan faedah dan pengurusan prestasi;
- **Prestasi Operasi Perniagaan Cargill**, seperti menjalankan aktiviti perniagaan harian Cargill;
- **Pematuhan Undang-undang dan Kawal Selia**, seperti pematuhan keperluan kesihatan & keselamatan dan kewajipan undang-undang atau fiskal yang lain, menyertai aktiviti usaha wajar untuk penjualan atau pembelian perniagaan, atau berkaitan dengan litigasi atau penyiasatan atau audit dalaman;
- **Pengurusan Keselamatan**, seperti aktiviti berkaitan dengan memastikan keselamatan premis, aset, maklumat dan Individu Cargill.

Cargill memproses Maklumat Pekerjaan kerana kami perlu melakukannya sehubungan dengan kontrak pekerjaan anda. Selain itu, sesetengah pemprosesan mungkin berdasarkan persetujuan anda atau kerana perlu mematuhi kewajipan undang-undang atau untuk membolehkan kami meneruskan kepentingan

perniagaan kami yang sah sebagai pembekal utama produk dan perkhidmatan makanan, pertanian, kewangan dan perindustrian.

3. PRINSIP PRIVASI DATA CARGILL

Cargill memantau prinsip berikut berhubung dengan Maklumat Pekerjaan:

- Kami memproses dengan adil dan sah;
- Kami memproses untuk tujuan perniagaan yang sah dan tidak memproses dengan cara yang tidak sesuai untuk tujuan tersebut;
- Kami menggunakan Maklumat Pekerjaan yang mencukupi, relevan dan tidak berlebihan untuk tujuan ia diproses;
- Kami memastikan ia tepat dan jika perlu, dikemas kini;
- Kami akan menyimpan dalam bentuk yang membenarkan pengenalpastian tidak lama dari sepatutnya untuk tujuan maklumat dikumpul;
- Kami akan melindunginya daripada kemusnahan secara tidak sengaja atau yang menyalahi undang-undang atau kehilangan tidak sengaja, pemindaan, pendedahan atau akses yang tidak dibenarkan, menggunakan langkah teknikal dan organisasi yang bersesuaian;
- Kami memproses mengikut hak Individu.

4. KEPADA SIAPA MAKLUMAT PEKERJAAN ANDA DIDEDEAHKAN?

(a) Dalam Cargill

Cargill menyekat capaian ke Maklumat Pekerjaan kepada orang di dalam syarikat yang "perlu tahu" maklumat tersebut. Sebagai sebuah syarikat global yang menjalankan perniagaan merentasi sempadan nasional, terdapat banyak situasi apabila "perlu tahu" ini memerlukan maklumat anda dipindahkan ke Cargill di negara lain, termasuk negara yang mungkin tidak menyediakan perlindungan undang-undang untuk Maklumat Peribadi. Walau bagaimanapun, tujuan Dasar Privasi Data untuk Maklumat Pekerjaan Cargill adalah untuk melindungi Maklumat Pekerjaan anda di setiap negara Cargill menjalankan perniagaan.

(b) Luar Cargill

Cargill berkongsi Maklumat Pekerjaan dengan Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga yang dibenarkan, seperti penyedia pampasan dan faedah yang "perlu tahu" maklumat tersebut. Apabila ia berbuat demikian, Cargill mengenakan obligasi berkontrak yang sesuai berhubung dengan Maklumat Pekerjaan terhadap Penyedia Pihak Ketiga tersebut.

Selain Penyedia Perkhidmatan Pihak Ketiga kami, secara amnya, Cargill hanya akan mendedahkan Maklumat Pekerjaan anda di luar Cargill dan Penyedia Perkhidmatannya:

- apabila dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang;
- sebagai balasan terhadap permintaan untuk bantuan oleh pihak polis atau agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain;
- untuk mendapatkan nasihat undang-undang daripada peguam luar Cargill atau berkaitan dengan litigasi dengan pihak ketiga;
- berhubung dengan jualan, pembelian atau penggabungan perniagaan; atau
- untuk menyediakan pihak ketiga (sebagai contoh bakal pelanggan atau pembekal) dengan cara menghubungi anda ketika perniagaan biasa, sebagai contoh, dengan memberikan maklumat hubungan anda, seperti nombor telefon perniagaan dan alamat e-mel anda.

5. MELAKSANAKAN HAK ANDA

Jika anda ingin salinan sebarang Maklumat Pekerjaan anda atau anda ingin mengemas kini atau memperbetulkan maklumat, sila [gunakan borang ini](#).

Jika anda mempunyai kebimbangan mengenai cara Cargill telah menggunakan Maklumat Pekerjaan anda, sebagai langkah pertama, anda harus mengutarakan kebimbangan secara bertulis dengan pengurus anda. Jika ini tidak sesuai atas sebarang sebab, anda hendaklah mengutarakan kebimbangan secara bertulis kepada Local Privacy Champion anda atau Global Privacy Office, yang mana paling sesuai.

Jika kebimbangan anda tidak diselesaikan dalam tempoh masa yang munasabah, ia boleh ditingkatkan ke Global Privacy Office dengan menggunakan [borang ini](#).

Selepas menyiasat perkara tersebut, Global Privacy Office akan memberi maklum balas kepada anda secara bertulis dalam tempoh yang sesuai, dengan menyatakan kesimpulan berserta butiran mengenai sebarang tindakan pemulihan yang dicadangkan.

6. MENGEKALKAN MAKLUMAT PEKERJAAN ANDA

Kami menyimpan Maklumat Pekerjaan anda mengikut Jadual Pengekalan Rekod Cargill yang boleh didapati di <https://cargillonline.sharepoint.com/sites/RIMCOE/SitePages/Retention.aspx>.

7. HUBUNGI KAMI

Cargill Global Privacy Office
Law Department, MS 24
Office Center
15407 McGinty Road West
Wayzata
MN 55391-2399
USA